

Armishah Setiausaha Sulit Kanan MB Kedah

ALOR SETAR 28 Mac - Seorang pegawai tadbir negeri, Armishah Siraj dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkuatkuasa 3 April ini.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Abd. Ghani Zulkifli@Zainuddin yang dipinjamkan sebagai Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat (Pentadbiran dan Kewangan) Syari'at Air Darul Aman.

Pengumuman pelantikan itu dinyatakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Bakar Din menerusi satu pekeliling hari ini.

Armishah, 52, berpengalaman luas dalam pentadbiran negeri

dan pernah memegang jawatan yang sama ketika Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menjadi Menteri Besar.

Beliau yang baru tamat pengajian peringkat sarjana dalam bidang Perancangan Bandar di Universiti Sains Malaysia menyertai perkhidmatan awam negeri Kedah sejak 1991.

Beliau turut memiliki Diploma Pertanian dan Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber) dari Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) dan pernah bertugas sebagai



ARMISHAH SIRAJ

Pegawai Protokol Kerajaan Negeri Kedah (1994-1999) serta Penolong Pentadbir Tanah Kulim (2000-2001) sebelum dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar (2001-2005).

Armishah juga pernah menyandang jawatan Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan Kulim Hi-Tech (2005-2007), Ketua Penolong

Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Kerajaan Tempatan (2007-2010) dan Pentadbir Tanah Langkawi (2010-2014) sebelum mengambil cuti belajar.